

Dr. M kecam media Barat

media Barat



'Monopoli mereka harus ditamatkan'

Oleh MIOR KAMARUL SHAHID

negara membangun.

Teganya, keadaan ini tidak lagi boleh diterima di negara-negara dunia ketiga.

Perdana Menteri menegaskan, ketidakseimbangan bentuk aliran berita menjadi keimbangan di negara ini.

Bellau berkata, negara-negara ketiga bukan sahaja telah lama menghadapi layanan tidak sihat oleh agensi-agensi barat yang berpengaruh bahkan juga tidak memberikan ruangan yang cukup kepada berita negara-negara ini dibandingkan apa yang diberikan kepada mereka.

Katanya, segala prinsip Bangsa-Bangsa Bersatu ditulus oleh negara-negara maju sebelum negara-negara membangun menjadi ahli.

Pada masa ini, kata Datuk Seri Dr. Mahathir, keahlian Bangsa-Bangsa Bersatu berkembang. Memandangkan hakikat ini, sebahagian dari prinsip tersebut haruslah disemak semula.

Jelanya, media antarabangsa di bawah kawalan negara-negara barat menyusup ke dalam kerajaan negara-negara membangun hingga sebahagian daripadanya digilangkan.

Apa yang menyedihkan, kata Perdana Menteri, ialah kerajaan yang mengambil alih biasanya kurang demokratik dari kerajaan asal.

Mana-mana kerajaan yang mengambil dengan masa singkat diberi tempat oleh media barat.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Malaysia bimbang dengan keadaan di mana sentiasa berlakunya laporan yang tidak tepat, disengajakan atau sebaliknya mengenai hal-hal negara ini oleh media asing terutama barat.

Pengalaman pahit pertama yang dirasakan berlaku ketika sahaja selepas kejadian 13 Mei 1969 di mana pembaca-pembaca luar ditolak bertikar mengenai kejadian yang berlaku.

Baru-baru ini pula, jelanya, hasil dari usaha mengawal sumber-sumber negara, berbagai laporan dipaparkan bagi menakutkan pelabur-pelabur asing di negara ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan supaya pihak lain jangan dibenarkan memonopoli maklumat mengenai negara ini.

Usaha haruslah dijalankan menerangkan kepada dunia mengenai kebenaran di sini dan apa dia khayalan,

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, Malaysia tidak gentar dengan ancaman dari pertubuhan-pertubuhan akhbar antarabangsa atas nama kebebasan akhbar.

Katanya, walaupun negara ini pernah beberapa kali menghadapi keadaan serupa itu dari pertubuhan-pertubuhan tersebut di masa lalu dan amat terjejas atas nama kebebasan akhbar, tetapi tidak akan gentar dengan ancaman demikian.

Menurutnya, tiga hari lalu beliau menerima sepucuk kawat berupa ugutan terhadap imej negara berikutan rencana tulisannya mengenai kebebasan akhbar yang disiarkan dalam sebuah akhbar tempatan baru-baru ini.

Kawat tersebut diterima dari Institut Akhbar Antarabangsa ekoran dari rencana yang dituliskan itu, katanya ketika merasmikan Perhimpunan Agung Ke-5 Pertubuhan Agensi-agensi Berita Asia (OANA) di sini.

Diperbodohkan

Bellau menerangkan apa yang dituliskan ialah memberi pendapat melalui media, di mana beliau berhak berbuat demikian sebagaimana orang lain.

Perdana Menteri berkata, adalah gajil institut yang sepatutnya melindungi haknya menaifikannya pula.

Schalknya, tegas Datuk Seri Dr. Mahathir, bila laporan salah dan meragukan dibuat melalui akhbar, tidak ada komen dari institut tersebut.

Teganya, pertubuhan antarabangsa seperti ini adalah berpengaruh tetapi atas nama kebebasan akhbar. "Kita tidak boleh diperbodohkan oleh ancaman-ancaman terhadap imej negara ini".

Perdana Menteri juga membidas negara-negara maju tidak mengesimalkan aliran maklumat bagi negara-

Salam mesra dari PM

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kanan) beralam dengan salah seorang wakil dari 20 buah agensi berita menghadiri Perhimpunan Agung Kelima Pertubuhan Agensi Berita Asia (OANA) di Kuala Lumpur, semalam.

Menteri Penerangan, **Datuk Mohamad Rahmat dan Menteri Tenaga dan Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie turut hadir** — Gambar Berita Harian oleh F.K. Tham.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia